



SURAT PEMBERITAHUAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
BIL: 02/2019
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN SEBERANG LAUT
BAGI SESI AKADEMIK 2019/2020

Setiausaha Tetap di Kementerian /Jabatan atau **Naib Canselor /Rektor /Ra'es** di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang telah membuat perancangan bagi pegawai /kakitangan dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini digelar Kerajaan) di Kementerian dan Jabatan masing-masing untuk mengikuti latihan /pengajian melalui **Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut (SLDPSL)** bagi **sesi akademik 2019 /2020** hendaklah menghadapkan sokongan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam **setelah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia (JPSTM)** Kementerian /Jabatan atau IPTA masing-masing.

1. SYARAT-SYARAT UTAMA

- 1.1 Pegawai /kakitangan yang disokong hendaklah memenuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam:
 - 1.1.1 Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 06/2017 (Pindaan Syarat-Syarat dan Peraturan-Peraturan Yang Mengawal Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut [LDPSL]); dan,
 - 1.1.2 Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 06/2015 mengenai tatacara membenarkan bagi pegawai /kakitangan untuk mengikuti:
 - i. Program latihan jangka panjang;
 - ii. Program yang ditaja oleh pihak penganjur atau badan lainnya.
- 1.2 Berumur **40 tahun dan ke bawah** pada **tarikh kursus dijadualkan bermula**. Bagi pegawai yang memohon kursus Ijazah Kedoktoran Falsafah (*Ph.D*), keutamaan akan diberikan kepada pegawai yang berumur **35 tahun ke bawah**.

Bagi kursus jangka pendek (melebihi tiga puluh [30] hari dan kurang dari satu [1] tahun akademik dan tidak memberikan kelulusan tambahan) dibukakan kepada pegawai /kakitangan yang berumur hingga 53 tahun.
- 1.3 Pegawai /kakitangan Kerajaan terdiri daripada **Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** dalam **Perkhidmatan Tetap** dan berkhidmat dengan Kerajaan **tidak kurang dari dua (2) tahun perkhidmatan**.
- 1.4 Mempunyai **Laporan Penilaian Prestasi (LPP)** tiga (3) tahun kebelakangan seperti berikut:

nk



i. Bagi kemasukan mulai **Februari 2019**

Tahun	Prestasi
2016	Sangat Baik (Gred B)
2017	Cemerlang (Gred A)
2018	Sangat Baik (Gred B)

ii. Bagi kemasukan mulai **Januari 2020**

Tahun	Prestasi
2017	Cemerlang (Gred A)
2018	Sangat Baik (Gred B)
2019	Sangat Baik (Gred B)

PERHATIAN:

- i. Bagi pegawai /kakitangan yang tempoh penilaian prestasi kurang dari tiga (3) tahun kebelakangan, ulasan sokongan berkursus hendaklah dihadapkan bersama dengan laporan sulit mengenai prestasinya;
 - ii. Laporan terperinci bagi perkara-perkara yang menyebabkan kenaikan /penurunan peratus (perbezaan 5%) juga hendaklah dihadapkan bersama.
- 1.5 Pegawai /kakitangan yang disokong hendaklah termasuk dalam Perancangan Latihan Kementerian /IPTA.
- 1.6 Rekod Perkhidmatan Government Employee Management System [GEMS] (RPG) hendaklah dikemaskini sepertimana Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan 13/2014.
- 1.7 Pegawai /kakitangan yang disokong hendaklah mempunyai lebih perkhidmatan yang mencukupi bagi menjalani tempoh ikat janji (bond) setelah selesai mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) sepertimana ditetapkan oleh Kerajaan seperti berikut:

Tempoh kursus	Tempoh Ikat Janji (Bond)
Kurang daripada empat (4) bulan	1 tahun
Empat (4) bulan hingga kurang daripada lapan (8) bulan	2 tahun
Lapan (8) bulan hingga kurang daripada satu (1) tahun	3 tahun
Satu (1) tahun hingga kurang daripada dua (2) tahun	5 tahun
Dua (2) tahun hingga kurang daripada tiga (3) tahun	7 tahun
Tiga (3) tahun hingga kurang daripada empat (4) tahun	9 tahun
Empat (4) tahun hingga kurang daripada lima (5) tahun	11 tahun
Lima (5) tahun hingga kurang daripada enam (6) tahun	13 tahun
Enam (6) tahun hingga kurang daripada tujuh (7) tahun	15 tahun
Tujuh (7) tahun hingga kurang daripada lapan (8) tahun	17 tahun

Nota:

- i. Tempoh ikat janji adalah berdasarkan kepada tempoh menerima kemudahan dibawah Skim LDP yang dibenarkan;
- ii. Jika tempoh kursus berubah maka tempoh ikat janji akan berubah (bertambah atau berkurang) daripada tempoh ikat janji yang asal;
- iii. Tempoh ikat janji bermula pada tarikh melapor diri selepas mengikuti kursus yang dibenarkan;
- iv. Bagi yang pernah mengikuti Skim LDP hendaklah mempunyai lebih perkhidmatan yang mencukupi bagi menjalani tempoh ikat janji terdahulu dan yang akan datang.



- 1.8 Pegawai /kakitangan yang disokong hendaklah memenuhi maksud Lampiran 1 dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 6/2017.
- 1.9 Sokongan Kementerian /IPTA hendaklah mengambilkira perkara-perkara berikut:
- 1.9.1 **Kursus** hendaklah dalam **bidang-bidang strategik** mengikut **perancangan dan keperluan** Kementerian /IPTA, bukan berbentuk perkembangan individu (*personal development*);
 - 1.9.2 **Perancangan dan keperluan selaras** dengan **rancangan penggantian** (*succession planning*) Kementerian /IPTA;
 - 1.9.3 **Berkaitan** dengan **tugas dan tanggungjawab** serta **jawatan**;
 - 1.9.4 Mengutamakan **pegawai yang terbaik** (*material candidate*) yang mempunyai **potensi tinggi** untuk mengikuti dan berjaya menamatkan kursus dengan cemerlang dalam tempoh yang ditentukan;
- 1.10 Pegawai /kakitangan yang akan mengikuti kursus yang **bahasa penghantarnya Bahasa Inggeris** hendaklah mempunyai **kelulusan Bahasa Inggeris** melalui **salah satu** kaedah berikut:
- 1.10.1 **Kredit Bahasa Inggeris** dalam Peperiksaan **Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa (GCE 'O' Level)**; atau,
 - 1.10.2 Kelulusan **International English Language Testing System (IELTS)** dengan mendapat minima **Band 6.5** jurusan akademik dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan sebelum tarikh kursus bermula.
*** Keputusan ujian** hendaklah **tidak kurang dari Band 6.0** bagi setiap komponen.
Walaupun bagaimanapun, jika institusi pengajian menghendaki tahap *band* yang lebih tinggi, pemohon hendaklah memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh institusi berkenaan; **atau**,
 - 1.10.3 Minima **Gred C** mata pelajaran **Kertas Am (General Paper)** dalam Peperiksaan **Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan (GCE 'AS' Level)**; atau,
 - 1.10.4 Kelulusan **International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) English as a Second Language** (khusus bagi kelulusan yang diperolehi bermula tahun 2007 dan ke atas) dengan mendapat minima **Gred B**;
 - 1.10.5 Bagi yang mengikuti **kursus pendek /kursus yang berbentuk klinikal /penempatan melebihi tiga puluh (30) hari dan kurang dari satu (1) tahun akademik dan tidak memberikan kelulusan tambahan** hendaklah sekurang-kurangnya memperolehi kelulusan **Bahasa Inggeris** seperti berikut:
 - i. **Lulus (pass)** Bahasa Inggeris dalam **GCE 'O' Level**; atau,
 - ii. Kelulusan **IELTS** dengan mendapat minima **Band 5.0** jurusan akademik atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya.Walaupun bagaimanapun, pegawai /kakitangan yang mengikuti kursus pendek berbentuk praktikal atau yang sebanding tetapi tidak mempunyai kelulusan Bahasa Inggeris seperti di atas bolehlah dihadapkan untuk pertimbangan BMLDP.



PERHATIAN:

Lain-lain kelulusan yang tidak tersenarai di atas hendaklah mendapat pengiktirafan dari Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK), Kementerian Pendidikan.

- 1.11 Pengajian di peringkat **Ijazah Sarjana (Master)** hendaklah diikuti **tidak melebihi 12 bulan**.
- 1.12 **Surat Sokongan Kementerian /IPTA dan dokumen-dokumen yang berkaitan yang lengkap** hendaklah **dihadapkan dan disahkan penerimaannya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak lewat** dari **tarikh yang dinyatakan di para 7.1**.
- 1.13 Pegawai /kakitangan yang disokong hendaklah bebas daripada sebarang kes yang melibatkan tindakan tatatertib termasuk yang masih dalam proses penyiasatan.

2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK

- 2.1 Pegawai /kakitangan yang disokong hendaklah memenuhi syarat-syarat kelayakan akademik mengikut tahap bagi pengajian seperti berikut:
 - 2.1.1 Ijazah Kedoktoran Falsafah (Doctor of Philosophy, Ph.D) -
 - i. **Ijazah Sarjana** sekurang-kurangnya di tahap **Merit** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya; **atau**,
 - ii. **Ijazah Sarjana Muda Kepujian (Honours) Kelas Pertama** dari universiti-universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan.
 - 2.1.2 Ijazah Sarjana (Master) -
 - i. **Ijazah Sarjana Muda Kepujian (Honours) sekurang-kurangnya Kelas Kedua** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya; **atau**,
 - ii. Bagi **negara-negara yang tidak menawarkan program peringkat Ijazah Sarjana Muda Kepujian (Honours)** seperti Australia, Jerman, Kanada, Mesir dan lain-lain boleh dipertimbangkan dengan mengambilkira sistem penggredan (*grading system*) institusi berkenaan, iaitu hendaklah memperolehi tahap keputusan **Merit /Gred B** atau yang sebanding dengannya;
 - iii. Bagi yang **tidak memenuhi syarat kelayakan akademik** di atas bolehlah dipertimbangkan tertakluk memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a. **Ijazah Sarjana Muda Kepujian (Honours) Kelas Ketiga** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai

NK



sebanding dengannya dan telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan selama tidak kurang dari tujuh (7) tahun dan mempunyai prestasi tiga (3) tahun kebelakangan di tahap Sangat Baik (B), Cemerlang (A) dan Cemerlang (A) di tahun akhir penilaian; atau,

- b. **Ijazah Ordinary /Pass** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya dan telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan selama tidak kurang dari sepuluh (10) tahun dan mempunyai prestasi tiga tahun kebelakangan di tahap Sangat Baik (B), Cemerlang (A) dan Cemerlang (A) di tahun akhir penilaian.

2.1.3

Diploma Lepas
Ijazah atau Ikhtisas
(Postgraduate
Diploma /Professional)

- i. **Ijazah Sarjana Muda Kepujian (Honours)** sekurang-kurangnya Kelas Kedua atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya; atau,
- ii. Bagi yang tidak mempunyai **Ijazah Sarjana Muda** tetapi memenuhi syarat-syarat lain, syarat kemasukan institusi dan mempunyai kelebihan dalam sumbangan dan pencapaian kepada Kementerian /Jabatan dan telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan selama tidak kurang dari tujuh (7) tahun bolehlah dihadapkan untuk pertimbangan BMLDP.

2.1.4

Ijazah
Sarjana Muda
(Bachelor)

- i. Minima **tiga (3) mata pelajaran** Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan (**GCE 'A' Level**) atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya, dengan memperolehi sekurang-kurangnya **UCAS Tariff Points minima 120 (300^)** points; bagi mata pelajaran yang berkait rapat dengan kursus hendaklah memperolehi tidak kurang **Gred B** dan tidak kurang **Gred C** bagi mata pelajaran lain.

Bagi keputusan peperiksaan yang dikumpulkan hendaklah diperolehi dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut; atau,

NA



[Tariff Points baru: A*=56, A=48, B=40, C=32, D=24, E=16]
[Tariff Points lama: A*=140, A=120, B=100, C=80, D=60, E=40]

- ii. **Diploma Kebangsaan Tertinggi (Higher National Diploma) /Diploma Lanjutan (Advanced Diploma)** sekurang-kurangnya memperolehi **Grade Point Average (GPA) 2.5** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya.

Nota:

Perkiraan dibuat menggunakan tiga (3) *point grading system* iaitu kosong (0) *point* bagi gred terendah dan tiga (3) *point* bagi gred yang tertinggi. Mana-mana kelulusan yang menggunakan *grading system* yang berlainan akan diselaraskan menggunakan sistem perkiraan ini.

PERHATIAN:

- i. Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat kelayakan kemasukan yang dikenakan oleh institusi pengajian yang dipohonkan;
- ii. Lain-lain sijil kelulusan yang bukan dikeluarkan oleh institusi-institusi pendidikan Kerajaan, hendaklah mendapat pengiktirafan dari MKPK, Kementerian Pendidikan.

3. SYARAT-SYARAT KHUSUS

- 3.1 Kursus dan Institusi Pengajian Tinggi yang dipohonkan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan dan hendaklah dari senarai berikut:

3.1.1 ***Times Higher Education University (THEU) Rankings 2018 /2019 ****

Bagi universiti di United Kingdom sahaja hendaklah tersenarai dalam:

- i. **Top 25;** atau,
- ii. **Top 5** mengikut **bidang** (dirujuk jika Universiti yang dipohon tidak tersenarai dalam Top 25).

3.1.2 ***Top 250 QS World University Rankings 2018 /2019****

Bagi negara-negara lain.

* Rujuk laman sesawang rasmi JPA: www.jpa.gov.bn

- 3.2 Kursus di peringkat **Ijazah Sarjana (Master)** hendaklah dalam salah satu kategori berikut:

- i. **Coursework dan Disertasi;** atau,
- ii. **Peperiksaan dan Disertasi;** atau,

M



- iii. **Coursework dan Peperiksaan;** atau,
- iv. **Coursework, Peperiksaan dan Disertasi.**

4. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

4.1 Pegawai /kakitangan yang disokong untuk mengikuti **Ijazah Sarjana (Master)** atau **Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D)** adalah dikehendaki untuk menyertakan perkara-perkara berikut:

4.1.1 **Cadangan bidang kajian (research proposal)** mengikut format garis panduan seperti berikut:

- i. Pendahuluan;
- ii. Latar Belakang Kajian;
- iii. Bidang Kajian;
- iv. Objektif Kajian;
- v. Soalan Kajian;
- vi. Tinjauan Literatur;
- vii. Metodologi Penyelidikan;
- viii. Kepentingan Kajian;
- ix. Cadangan Kajian;
- x Rujukan (hendaklah daripada hasil kajian terkemuka dan berkaitan dengan topik cadangan);
- xi. Jadual Perancangan Penyelidikan (dalam bentuk *Gantt Chart*).

4.1.2 **Cadangan bidang kajian (research proposal)** yang dapat menunjukkan kesesuaian tajuk dan perinciannya sejajar dengan perancangan strategik Kementerian dengan mengambilkira perkara-perkara berikut:

- i. Cadangan tajuk tesis dan latar belakang yang sesuai dan menepati keperluan perancangan Kementerian /Jabatan;
- ii. Telah membuat penyelidikan awal dan mempunyai orientasi menjalankan kajian diperingkat Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D) atau sebanding;
- iii. Cadangan tajuk tesis hendaklah **disahkan dan dicop** oleh **Pengerusi JPSTM** di Kementerian /IPTA masing-masing seperti berikut:
 - a. Bidang kajian yang akan dibuat merupakan bidang kajian yang baru dan belum pernah dibuat kajian mengenainya sebelum ini; dan,
 - b. Cadangan kertas kajian telah diteliti dan dinilai oleh panel mesyuarat JPSTM.

4.2 Bagi pegawai /kakitangan yang disokong mengikuti **Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D)** hendaklah juga menyertakan perkara-perkara berikut:

4.2.1 Salinan **surat tawaran (offer letter)** tempat pengajian dan kursus;

ML



- 4.2.2 **'Executive Summary'** bagi **cadangan kajian** yang akan dijalankan;
- 4.2.3 **Pandangan dan ulasan** secara menyeluruh dari **bakal penyelia mengenai cadangan kajian** yang akan dijalankan; dan,
- 4.2.4 **Keterangan latarbelakang kepakaran bakal penyelia** termasuk **jumlah penyeliaan** yang terdahulu dan terkini, **rekod penyeliaan** dan **pencapaian** yang telah dijalankan.
- 4.3 **Modul-modul** bagi kursus yang disokong di peringkat **Ijazah Sarjana (Master)** atau **Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D)** hendaklah **berkait rapat** dengan **tugas dan tanggungjawab** yang dilaksanakan pada masa ini.
- 4.4 Bagi pegawai /kakitangan yang disokong mengikuti **kursus di peringkat Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D)** hendaklah **menjalani temuduga** oleh Jawatankuasa Kerja Penilai *Ph.D*, JPA.

5. PERATURAN-PERATURAN LAIN

- 5.1 Pegawai /kakitangan hanya dibenarkan mengikuti pengajian dibawah Skim LDPSL **setelah mendapat kebenaran daripada Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan (BMLDP):**
 - 5.1.1 Permohonan untuk mengikuti LDP yang mana pegawai /kakitangan telahpun memulakan kursus **tanpa kebenaran dari BMLDP** terlebih dahulu **tidak akan diproses**;
 - 5.1.2 **Setiasa Tetap /Timbalan Setiausaha Tetap /Ketua Jabatan** atau mana-mana pihak yang membenarkan dan pegawai /kakitangan yang terlibat boleh dikenakan Surcaj mengikut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 9/2017 dan /atau tindakan-tindakan tatatertib yang berkenaan.
- 5.2 Pegawai /kakitangan yang **gagal menamatkan program latihan /kursus /pengajian mengikut tempoh asal yang dibenarkan BMLDP**, jika memerlukan tempoh tambahan bagi meneruskan program tersebut hendaklah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:
 - 5.2.1 Menghadapkan **permohonan perlanjutan** ke JPA melalui JPSTM di Kementerian /IPTA masing-masing **sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** sebelum tempoh kebenaran asal berakhir;
 - 5.2.2 Jika dibenarkan oleh BMLDP, akan **diturunkan skim** kepada Skim Cuti Belajar dan pegawai /kakitangan hanya akan menerima kemudahan sepertimana yang dinyatakan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 6/2017;
 - 5.2.3 **Sekiranya belum menerima kebenaran dari BMLDP setelah tamat kebenaran Skim LDP**, pegawai /kakitangan adalah **dikehendaki pulang ke tanah air** dan **melapor diri** untuk bertugas.
- 5.3 Bagi kepentingan kesihatan, kebajikan dan kesejahteraan pegawai /kakitangan yang sedang mengikuti LDP, pegawai /kakitangan yang telah disahkan oleh doktor /pakar perubatan (dari negara tempat berkursus) mengalami penyakit-penyakit kronik, tekanan emosi (depression), gangguan mental atau yang serupa dengannya serta tidak berkeupayaan untuk menamatkan kursus dalam masa yang ditetapkan dikehendaki pulang ke tanah air bagi mendapatkan rawatan perubatan tempatan dan seterusnya akan ditamatkan dari Skim LDP.

2



mengikut tatacara dalam surat pemberitahuan ini dan kebenaran adalah **tertakluk kepada pertimbangan dan ketetapan BMLDP.**

6. TATACARA MENGHADAPKAN SOKONGAN

- 6.1 **Sokongan** Setiausaha Tetap di Kementerian /Jabatan atau Naib Canselor /Rektor /Ra'es di IPTA masing-masing hendaklah **dihadapkan melalui JPSTM di Kementerian /IPTA** masing-masing.
- 6.2 **Sokongan** hendaklah **disertakan bersama** dengan:
- 6.2.1 **Borang Permohonan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP-1);**
 - 6.2.2 **Senarai Semak (Lampiran A);**
 - 6.2.3 **Pengesahan Pengemaskinian Rekod Perkhidmatan GEMS (RPG) (Lampiran A - RPG);**
 - 6.2.4 **Maklumat Perancangan Latihan bagi Kementerian /Institusi Pengajian (Lampiran B);**
 - 6.2.5 **Keterangan Anggaran Perbelanjaan Kursus (Lampiran C-I);**
 - 6.2.6 **Salinan sijil dan transkrip kelulusan;**
 - 6.2.7 **Surat tawaran (*offer letter*)** tempat pengajian /latihan /penempatan dan **isi kandungan kursus;**
 - 6.2.8 Cadangan **bidang kajian (*research proposal*)** - bagi yang mengikuti **Ijazah Sarjana (*Master*)** atau **Ijazah Kedoktoran Falsafah (*Ph.D*);**
 - 6.2.9 Bagi yang mengikuti **Ijazah Kedoktoran Falsafah (*Ph.D*):**
 - i. **'Executive Summary'** bagi cadangan kajian yang akan dijalankan;
 - ii. **Pandangan dan ulasan** secara menyeluruh dari **bakal penyelia** mengenai cadangan kajian yang akan dijalankan; dan,
 - iii. **Keterangan latarbelakang kepakaran bakal penyelia** termasuk **jumlah pelajar Ijazah Kedoktoran Falsafah (*Ph.D*)** yang telah diselia.

PERHATIAN:

- i. **Borang Permohonan LDP-1** dan **dokumen-dokumen** berkenaan hendaklah **diisikan dengan lengkap dan sempurna** dan **boleh diperolehi** melalui laman sesawang JPA **www.jpa.gov.bn**;
 - ii. Bagi sokongan yang **belum memperolehi surat tawaran (*offer letter*)** tempat pengajian /latihan /penempatan, JPSTM hendaklah **menghadapkan setelah memperolehinya** dengan **seberapa segera;**
 - iii. Bagi yang mengikuti kursus di peringkat **Ijazah Kedoktoran Falsafah (*Ph.D*)** adalah **dimestikan** untuk menyertakan **salinan surat tawaran (*offer letter*)** tempat pengajian dan **keterangan latarbelakang kepakaran bakal penyelia** termasuk **jumlah pelajar Ijazah Kedoktoran Falsafah (*Ph.D*)** yang telah diselia.
- 6.3 **JPSTM** di Kementerian /IPTA hendaklah **memastikan sepenuhnya** semua permohonan yang dihadapkan **memenuhi semua syarat, dasar dan peraturan** yang berjalan pada masa ini **termasuk perancangan Kementerian /Jabatan** masing-masing.

M



- 5.4 **Penghantaran tesis /disertasi** hendaklah **diselesaikan dalam tempoh kebenaran BMLDP**. Pegawai /kakitangan yang **gagal** untuk **menghadapkan tesis /disertasi dalam tempoh kebenaran** adalah **dikira gagal** dalam pengajian.
- 5.5 Pegawai /kakitangan yang telah tamat mengikuti Skim LDPSL **dikehendaki menghadapkan perkara-perkara berikut dengan segera ke JPA:**
- 5.5.1 **Borang J** (Laporan Selepas Menjalani Kursus) **selewat-lewatnya dua (2) minggu** dari tarikh melapor diri;
 - 5.5.2 **Salinan Keputusan Peperiksaan, Transkrip Kelulusan dan Sijil Kelulusan** **sebaik sahaja diperolehi;**
 - 5.5.3 Bagi kursus **Ijazah Sarjana (Master)** dan **Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D)** - **Dua (2) salinan tesis /disertasi** dalam bentuk berjilid tebal (*hard cover*) **selewat-lewatnya dua (2) minggu** dari tarikh melapor diri.

PERHATIAN:

Bonus tahunan setelah tamat pengajian tidak akan dibayar sehingga pegawai /kakitangan menghadapkan perkara-perkara di atas.

- 5.6 Bagi pegawai /kakitangan yang pernah mengikuti kursus atau program jangka pendek dibawah Skim LDP seperti *Visiting Research Fellowship, Visiting Scholar, Professional Fellow Programme, Fellowship Exchange Programme* dan yang sebanding dikehendaki **menghadapkan laporan komprehensif** mengenai perkembangan selepas mengikut kursus /program yang berkenaan sebelum boleh dipertimbangkan untuk mengikut LDP bagi kursus /program yang lain, yang antara lain mengandungi perkara-perkara berikut:
- 5.6.1 Sumbangan yang telah diberikan ke Kementerian /Jabatan /IPTA hasil daripada kursus /program yang telah diikuti;
 - 5.6.2 Pengetahuan /kemahiran /pengalaman yang diperolehi daripada kursus /program yang telah diikuti dimanfaatkan misalannya dalam memenuhi perancangan strategik Kementerian /Jabatan /IPTA, pelaksanaan pembaharuan dan /atau penambahbaikan dan lain-lain;
 - 5.6.3 Lain-lain yang berkaitan.
- 5.7 Pegawai /kakitangan yang dalam kes-kes berikut adalah dengan sendirinya **ditamatkan daripada Skim LDP** dan dikehendaki **membayar segala perbelanjaan sepanjang kursus** yang diikuti dan **bonus setelah tamat pengajian tidak akan dibayar:**
- 5.7.1 Dikenakan tindakan tatatertib;
 - 5.7.2 Diberhentikan oleh institusi pengajian;
 - 5.7.3 Menarik diri semasa mengikuti pengajian;
 - 5.7.4 Menamatkan pengajian tanpa kebenaran; dan,
 - 5.7.5 Lain-lain kes serupa yang akan diputuskan oleh BMLDP.
- 5.8 Permohonan bagi mengikuti **Program Latihan Kerja (Work Training)** di **Agensi-Agensi Kerajaan /Swasta di Luar Negara**, atau mengikuti **Program Latihan /Kursus /Pengajian** yang ditaja oleh **Penganjur atau Badan lainnya** yang **melebihi tiga puluh (30) hari** hendaklah **dihadapkan ke JPA**

M



- 8.4 Sokongan yang tidak menghadapkan bersama Borang Permohonan LDP-1, Pengesahan Pengemaskinian Rekod Perkhidmatan GEMS (RPG) (Lampiran A – RPG), Maklumat Perancangan Latihan bagi Kementerian /Institut Pengajian (Lampiran B), Keterangan Perbelanjaan Kursus (Lampiran C-I) dan dokumen-dokumen berkaitan seperti di para 6.2.
- 8.5 Salinan sijil /dokumen yang tidak disahkan oleh Ketua Jabatan atau mempunyai maklumat yang tidak benar /palsu.
- 8.6 RPG yang tidak dikemaskini di dalam GEMS.
- 8.7 Tidak memenuhi semua syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Surat Pemberitahuan ini.
- 8.8 Sokongan bagi permohonan kebenaran LDP secara kebelakangan yang mana pegawai /kakitangan telahpun memulakan kursus tanpa mendapatkan kebenaran dari BMLDP.

Surat Pemberitahuan ini berkuatkuasa mulai 01 Januari 2019.

والله ولي التوفيق

"Transformasi Ke Arah Perkhidmatan Awam Yang Progresif"

[DR NORFARIZAL BIN OTHMAN]

Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Tarikh : 02 Jamadilawal 1440
08 Januari 2019



- 6.4 **JPSTM** hendaklah **memastikan** sokongan, Borang Permohonan LDP-1, RPG yang dikemaskinikan serta semua salinan sijil, transkrip dan dokumen-dokumen yang dihadapkan adalah **lengkap, teratur dan diakui sah**.
- 6.5 **Setiausaha Tetap di Kementerian /Jabatan** atau **Naib Canselor /Rektor /Ra'es di IPTA** masing-masing hendaklah **menghadapkan sokongan berserta pengesahan RPG telah dikemaskinikan, Borang Permohonan LDP-1 dan dokumen-dokumen berkaitan pada tarikh yang ditetapkan**.
- 6.6 **Sokongan** berserta dengan **Borang Permohonan LDP-1** dan **dokumen-dokumen yang telah lengkap dan kemaskini** hendaklah dihadapkan ke alamat berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri
Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam.

(Untuk Perhatian:
Urusetia Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan
Unit Pengurusan Latihan Dalam Perkhidmatan
Bahagian Keanggotaan dan Pentadbiran Latihan)

7. TARIKH AKHIR MENERIMA SOKONGAN

- 7.1 **Surat Sokongan Kementerian /IPTA** berserta dengan **Borang Permohonan LDP-1** dan **dokumen-dokumen yang berkaitan yang telah lengkap dan kemaskini** hendaklah dihadapkan dan disahkan penerimaannya oleh JPA **tidak lewat** daripada tarikh-tarikh berikut:

Bil	Tarikh Kursus Bermula	Tarikh Terakhir Menghadapkan ke JPA
i.	September 2019 /Oktober 2019	30 April 2019
ii.	Januari 2020 /Februari 2020	31 Ogos 2019
iii.	Bagi kursus atau penempatan yang bermula selain dari tarikh (i) dan (ii) di atas, sokongan hendaklah dihadapkan sekurang-kurangnya empat (4) bulan sebelum tarikh rasmi kursus bermula .	

- 7.2 **Sokongan** yang dihadapkan **selepas tarikh-tarikh yang disebutkan** di atas akan **dikembalikan** dan **tidak akan diproses**.

8. SOKONGAN YANG TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN

- 8.1 **Sokongan** yang **tidak dihadapkan melalui JPSTM** di Kementerian /IPTA masing-masing.
- 8.2 **Sokongan** berserta dengan **Borang Permohonan LDP-1** dan **dokumen-dokumen berkaitan** yang **diterima selepas tarikh yang ditetapkan** seperti di Para 7.1.
- 8.3 **Borang Permohonan LDP-1** yang **tidak lengkap** diisikan.



- 1.5 Pegawai /kakitangan yang disokong hendaklah **termasuk dalam Perancangan Latihan Kementerian /IPTA.**
- 1.6 **Rekod Perkhidmatan Government Employee Management System [GEMS] (RPG)** hendaklah **dikemaskini** sepertimana Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan: 13/2014.
- 1.7 Pegawai /kakitangan yang disokong hendaklah **mempunyai lebih perkhidmatan yang mencukupi bagi menjalani tempoh ikat janji (bond) setelah selesai mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)** sepertimana ditetapkan oleh Kerajaan seperti berikut:

Tempoh kursus	Tempoh Ikat Janji (Bond)
Kurang daripada empat (4) bulan	1 tahun
Empat (4) bulan hingga kurang daripada lapan (8) bulan	2 tahun
Lapan (8) bulan hingga kurang daripada satu (1) tahun	3 tahun
Satu (1) tahun hingga kurang daripada dua (2) tahun	5 tahun
Dua (2) tahun hingga kurang daripada tiga (3) tahun	7 tahun
Tiga (3) tahun hingga kurang daripada empat (4) tahun	9 tahun
Empat (4) tahun hingga kurang daripada lima (5) tahun	11 tahun
Lima (5) tahun hingga kurang daripada enam (6) tahun	13 tahun
Enam (6) tahun hingga kurang daripada tujuh (7) tahun	15 tahun
Tujuh (7) tahun hingga kurang daripada lapan (8) tahun	17 tahun

Nota:

- Tempoh ikat janji adalah berdasarkan kepada tempoh menerima kemudahan dibawah Skim LDP yang dibenarkan;
 - Jika tempoh kursus berubah maka tempoh ikat janji akan berubah (bertambah atau berkurang) daripada tempoh ikat janji yang asal;
 - Tempoh ikat janji bermula pada tarikh melapor diri selepas mengikuti kursus yang dibenarkan;
 - Bagi yang pernah mengikuti Skim LDP hendaklah mempunyai lebih perkhidmatan yang mencukupi bagi menjalani tempoh ikat janji terdahulu dan yang akan datang.
- 1.8 Sokongan Kementerian /IPTA hendaklah mengambilkira perkara-perkara berikut:
- Kursus** hendaklah dalam **bidang-bidang strategik** mengikut **perancangan dan keperluan** Kementerian /IPTA, bukan berbentuk perkembangan individu (*personal development*);
 - Perancangan dan keperluan selaras** dengan **rancangan penggantian (succession planning)** Kementerian /IPTA;
 - Berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab serta jawatan;**
 - Mengutamakan **pegawai yang terbaik (material candidate)** yang mempunyai **potensi tinggi** untuk dapat mengikuti dan berjaya menamatkan kursus dengan cemerlang dalam tempoh yang telah ditentukan.
- 1.9 Pegawai /kakitangan yang akan mengikuti kursus di tahap **Diploma Lanjutan (Advanced Diploma)** dan ke atas atau sebanding yang **bahasa penghantarnya Bahasa Inggeris** hendaklah mempunyai **kelulusan Bahasa Inggeris** melalui **salah satu** kaedah berikut:

N



SURAT PEMBERITAHUAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
BIL: 03/2019
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DALAM NEGERI
BAGI SESI AKADEMIK 2019/2020

Setiausaha Tetap di Kementerian /Jabatan atau **Naib Canselor /Rektor /Ra'es** di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang telah membuat perancangan bagi pegawai /kakitangan dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini digelar Kerajaan) di Kementerian dan Jabatan masing-masing untuk mengikuti latihan /pengajian melalui **Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri** bagi **sesi akademik 2019 /2020** hendaklah menghadapkan sokongan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam **setelah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia (JPSTM) Kementerian /Jabatan atau IPTA masing-masing.**

1. SYARAT-SYARAT UTAMA

- 1.1 Pegawai /kakitangan yang disokong hendaklah memenuhi peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 27/1988 (Peraturan-Peraturan dan Syarat-Syarat Yang Mengawal Mengenai Dengan Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri).
- 1.2 Berumur **40 tahun dan ke bawah** pada **tarikh kursus dijadualkan bermula**. Bagi pegawai yang memohon kursus Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D), keutamaan akan diberikan kepada pegawai yang berumur **35 tahun ke bawah**.
- 1.3 Pegawai /kakitangan Kerajaan terdiri daripada **Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** dalam **Perkhidmatan Tetap** dan berkhidmat dengan Kerajaan **tidak kurang dari dua (2) tahun perkhidmatan**.
- 1.4 Mempunyai **Laporan Penilaian Prestasi (LPP) tiga (3) tahun** kebelakangan seperti berikut:
 - i. Bagi kemasukan mulai **Februari 2019**
 - ii. Bagi kemasukan mulai **Januari 2020**

Tahun	Prestasi
2016	Sangat Baik (Gred B)
2017	Cemerlang (Gred A)
2018	Sangat Baik (Gred B)

Tahun	Prestasi
2017	Cemerlang (Gred A)
2018	Sangat Baik (Gred B)
2019	Sangat Baik (Gred B)

PERHATIAN:

- i. Bagi pegawai /kakitangan yang **tempoh penilaian prestasi kurang dari tiga (3) tahun kebelakangan, ulasan sokongan berkursus** hendaklah **dihadapkan bersama dengan laporan sulit** mengenai prestasinya;
- ii. **Laporan terperinci** bagi perkara-perkara yang menyebabkan **kenaikan /penurunan peratus (perbezaan 5%)** juga hendaklah dihadapkan bersama.

ML



- 2.1.2 Ijazah Sarjana (Master)
- ii. **Ijazah Sarjana Muda Kepujian (Honours) Kelas Pertama** dari universiti-universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan.
 - i. **Ijazah Sarjana Muda Kepujian (Honours) sekurang-kurangnya Kelas Kedua** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya; **atau**,
 - ii. **Bagi negara-negara yang tidak menawarkan program peringkat Ijazah Sarjana Muda Kepujian (Honours)** seperti Australia, Jerman, Kanada, Mesir dan lain-lain boleh dipertimbangkan dengan mengambilkira sistem penggredan (*grading system*) institusi berkenaan, iaitu hendaklah memperolehi tahap keputusan **Merit /Gred B** atau yang sebanding dengannya;
 - iii. Bagi yang **tidak memenuhi syarat kelayakan akademik** di atas bolehlah dipertimbangkan tertakluk memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a. **Ijazah Sarjana Muda Kepujian (Honours) Kelas Ketiga** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya dan **telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan selama tidak kurang dari tujuh (7) tahun** dan mempunyai prestasi tiga (3) tahun kebelakangan di tahap **Sangat Baik (B), Cemerlang (A) dan Cemerlang (A)** di tahun akhir penilaian; **atau**,
 - b. **Ijazah Ordinary /Pass** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya dan **telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan selama tidak kurang dari sepuluh (10) tahun** dan mempunyai prestasi tiga tahun kebelakangan di tahap **Sangat Baik (B), Cemerlang (A) dan Cemerlang (A)** di tahun akhir penilaian.
- 2.1.3 Diploma Lepas Ijazah atau Ikhtisas (Postgraduate Diploma /Professional)
- i. **Ijazah Sarjana Muda Kepujian (Honours) sekurang-kurangnya Kelas Kedua** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya; **atau**,

M



1.9.1 Kredit Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa (GCE 'O' Level); atau,

1.9.2 Kelulusan *International English Language Testing System (IELTS)* dengan mendapat minima **Band 6.0** jurusan akademik dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan sebelum tarikh kursus bermula.

*** Keputusan ujian hendaklah tidak kurang dari Band 5.5 bagi setiap komponen.**

Walaubagaimanapun, jika institusi pengajian menghendaki tahap *band* yang lebih tinggi, pemohon hendaklah memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh institusi berkenaan; atau,

1.9.3 Minima **Gred C** mata pelajaran **Kertas Am (General Paper)** dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan (GCE 'AS' Level); atau,

1.9.4 Kelulusan *International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) English as a Second Language* (khusus bagi kelulusan yang diperolehi bermula tahun 2007 dan ke atas) dengan mendapat minima **Gred B**; atau,

1.9.5 Bagi yang mengikuti kursus **Level 4 Diploma /Higher National Technical Education Certificate (HNTec)** dan ke bawah hendaklah sekurang-kurangnya memperolehi kelulusan Bahasa Inggeris di tahap '*pass*' dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa (GCE 'O' Level) atau kelulusan *International English Language Testing System (IELTS)* minima **band 5.0** jurusan akademik atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya.

PERHATIAN:

Lain-lain kelulusan yang tidak tersenarai di atas, hendaklah mendapat pengiktirafan dari Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK), Kementerian Pendidikan.

1.10 Pengajian di peringkat **Ijazah Sarjana (Master)** hendaklah diikuti **tidak melebihi 18 bulan**.

1.11 Sokongan Kementerian /IPTA dan dokumen-dokumen yang berkaitan yang lengkap hendaklah **dihadapkan dan disahkan penerimaannya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak lewat dari tarikh yang dinyatakan di para 6.1.**

1.12 Pegawai /kakitangan yang disokong hendaklah bebas daripada sebarang kes yang melibatkan tindakan tatatertib termasuk yang masih dalam proses penyiasatan.

2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK

2.1 Pegawai /kakitangan yang disokong hendaklah memenuhi syarat-syarat kelayakan akademik mengikut tahap bagi pengajian seperti berikut:

2.1.1	Ijazah Kedoktoran - i. Falsafah (Doctor of Philosophy, Ph.D)	Ijazah Sarjana sekurang-kurangnya di tahap Merit atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya; atau,
-------	--	--



dengan kursus yang disokong atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya tidak kurang dari **Gred C**; atau,

- ii. Mempunyai **Diploma Kebangsaan (National Diploma)** sekurang-kurangnya memperolehi **GPA 2.2** atau sebanding dengannya.

Nota:

Perkiraan dibuat menggunakan tiga (3) *point grading system* iaitu kosong (0) *point* yang gred terendah dan tiga (3) *point* bagi gred yang tertinggi. Mana-mana kelulusan yang menggunakan *grading system* yang berlainan akan diselaraskan menggunakan sistem perkiraan ini; atau,

- iii. Bagi yang mengikuti kursus **BTEC Level 5 Diploma** hendaklah memperolehi **mata (points) dalam lingkungan 5 – 26** dari lima (5) mata pelajaran Peperiksaan **Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa (GCE 'O' Level)** yang bersesuaian dengan kursus yang disokong.

2.1.6 BDTVEC Diploma /Higher National Technical Education Certificate (HNTec) atau BTEC Level 4 Diploma

- i. **Kepujian (credit) lima (5) mata pelajaran** dalam Peperiksaan **Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa (GCE 'O' Level)** yang bersesuaian dengan kursus yang disokong; atau,
- ii. **BDTVEC Sijil Certificate 3** dengan memperolehi **GPA sekurang-kurangnya 2.2** dalam bidang yang **berkait rapat dengan kursus** disokong atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya.

PERHATIAN:

- i. Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat kelayakan kemasukan yang dikenakan oleh institusi pengajian yang dipohonkan;
- ii. Lain-lain sijil kelulusan yang bukan dikeluarkan oleh institusi-institusi pendidikan Kerajaan, hendaklah mendapat pengiktirafan dari MKPK, Kementerian Pendidikan.

3. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

- 3.1 Pegawai /kakitangan yang disokong untuk mengikuti **Ijazah Sarjana (Master)** atau **Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D)** adalah **dikehendaki** untuk **menyertakan perkara-perkara berikut:**



- 2.1.4 Ijazah Sarjana Muda (Bachelor)
- ii. Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana Muda tetapi mempunyai Diploma Kebangsaan Tertinggi (*Higher National Diploma*) /Diploma Lanjutan (*Advanced Diploma*) atau sebanding serta memenuhi syarat-syarat lain, syarat kemasukan institusi dan mempunyai kelebihan dalam sumbangan dan pencapaian kepada Kementerian /Jabatan dan telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan selama tidak kurang dari tujuh (7) tahun bolehlah dihadapakan untuk pertimbangan BMLDP.
- i. Minima tiga (3) mata pelajaran Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan (*GCE 'A' Level*) atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya, dengan memperolehi sekurang-kurangnya **UCAS Tariff Points minima 112 (280^A) points**; bagi mata pelajaran yang berkait rapat dengan kursus hendaklah memperolehi tidak kurang Gred B dan tidak kurang dari Gred C bagi mata pelajaran lain.
- Bagi keputusan peperiksaan yang dikumpulkan hendaklah diperolehi dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut; atau,
- [Tariff Points baru: A*=56, A=48, B=40, C=32, D=24, E=16]
[Tariff Points lama^A: A*=140, A=120, B= 100, C=80, D=60, E=40]
- ii. Diploma Kebangsaan Tertinggi (*Higher National Diploma*) /Diploma Lanjutan (*Advanced Diploma*) sekurang-kurangnya memperolehi **Grade Point Average (GPA) 2.0** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya.
- Nota:
Perkiraan dibuat menggunakan tiga (3) *point grading system* iaitu kosong (0) *point* bagi gred terendah dan tiga (3) *point* bagi gred yang tertinggi. Mana-mana kelulusan yang menggunakan *grading system* yang berlainan akan diselaraskan menggunakan sistem perkiraan ini.
- 2.1.5 Diploma Lanjutan (*Advanced Diploma*) atau BTEC Level 5 Diploma atau sebanding
- i. Dua (2) mata pelajaran Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan (*GCE 'A' Level*) yang berkait rapat



- 3.3 Modul-modul bagi kursus yang disokong di peringkat **Ijazah Sarjana (Master)** atau **Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D)** hendaklah **berkait rapat dengan tugas dan tanggungjawab** yang dilaksanakan pada masa ini.
- 3.4 Bagi pegawai /kakitangan yang disokong mengikuti **kursus di peringkat Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D)** hendaklah **menjalani temuduga** oleh Jawatankuasa Kerja Penilai Ph.D, JPA.
- 3.5 **Sokongan bagi tenaga pengajar** hendaklah menyertakan perkara-perkara berikut:
- 3.5.1 **Laporan Pencerapan;**
- 3.5.2 **Keputusan pencapaian pelajar** sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun kebelakangan;** dan,
- 3.5.3 **Laporan Sulit** dari **Dekan /Pengetua /Guru Besar.**
- 3.6 **Program Pengajian Di Luar Negara**
- 3.6.1 Pegawai-pegawai yang terpilih oleh IPTA untuk mengikuti program pengajian di luar negara (seperti *Study Abroad Programme /Student Exchange Programme* atau sebanding) akan dipertimbangkan jika **memenuhi syarat kelayakan akademik** sepertimana mahasiswa/wi 'pre-service' seperti berikut:

Bil	Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)	Syarat Kelayakan Akademik*
i.	Universiti Brunei Darussalam (UBD)	CGPA 3.8 ke atas
ii.	Universiti Teknologi Brunei (UTB)	Average 70% ke atas
iii.	Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)	Gred B+ atau CGPA 3.33
iv.	Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)	PNGK 3.3
v.	Institusi-institusi Swasta di Negara Brunei Darussalam	CGPA 3.8 ke atas

*Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

- 3.6.2 Jika dibenarkan, pegawai-pegawai akan dihulurkan kadar elaun dan kemudahan-kemudahan sama seperti yang dihulurkan kepada mahasiswa/wi 'pre-service';
- 3.6.3 Skim LDP adalah dikekalkan menurut kebenaran asal iaitu Skim Cuti Belajar Dalam Negeri atau Skim Cuti Tidak Bergaji Dalam Negeri;
- 3.6.4 Peraturan-peraturan IPTA adalah dirujuk.

4. PERATURAN-PERATURAN LAIN

- 4.1 Pegawai /kakitangan hanya dibenarkan mengikuti pengajian dibawah Skim LDP **setelah mendapat kebenaran daripada Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan (BMLDP):**
- 4.1.1 Permohonan untuk mengikuti LDP yang mana pegawai /kakitangan telahpun memulakan kursus **tanpa kebenaran dari BMLDP** terlebih dahulu **tidak akan diproses;**
- 4.1.2 **Setiasa Tetap /Timbalan Setiasa Tetap /Ketua Jabatan atau mana-mana pihak yang membenarkan dan pegawai /kakitangan yang terlibat boleh dikenakan Surcaj** mengikut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 9/2017 **dan /atau tindakan-**

M



- 3.1.1 **Cadangan bidang kajian (research proposal)** mengikut **format garis panduan** seperti berikut:
- i. Pendahuluan;
 - ii. Latar Belakang Kajian;
 - iii. Bidang Kajian;
 - iv. Objektif Kajian;
 - v. Soalan Kajian;
 - vi. Tinjauan Literatur;
 - vii. Metodologi Penyelidikan;
 - viii. Kepentingan Kajian;
 - ix. Cadangan Kajian;
 - x. Rujukan (hendaklah daripada hasil kajian terkemuka dan berkaitan dengan topik cadangan);
 - xi. Jadual Perancangan Penyelidikan (dalam bentuk *Gantt Chart*).
- 3.1.2 **Cadangan bidang kajian (research proposal)** yang dapat menunjukkan kesesuaian tajuk dan perinciannya sejajar dengan perancangan strategik Kementerian dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:
- i. Cadangan tajuk tesis dan latar belakang yang sesuai dan menepati keperluan perancangan Kementerian /Jabatan;
 - ii. Telah membuat penyelidikan awal dan mempunyai orientasi menjalankan kajian di peringkat Ijazah Kedoktoran Falsafah (*Ph.D*) atau sebanding;
 - iii. Cadangan tajuk tesis hendaklah **disahkan dan dicop** oleh **Pengerusi JPSTM** di Kementerian /IPTA masing-masing seperti berikut:
 - a. Bidang kajian yang akan dibuat merupakan bidang kajian yang baru dan belum pernah dibuat kajian mengenainya sebelum ini; dan,
 - b. Cadangan kertas kajian telah diteliti dan dinilai oleh panel mesyuarat JPSTM.
- 3.2 Bagi pegawai /kakitangan yang disokong mengikut **Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D)** hendaklah juga **menyertakan perkara-perkara berikut**:
- 3.2.1 Salinan **surat tawaran (offer letter)** tempat pengajian dan kursus;
 - 3.2.2 '**Executive Summary**' bagi **cadangan kajian** yang akan dijalankan;
 - 3.2.3 **Pandangan dan ulasan** secara menyeluruh dari **bakal penyelia mengenai cadangan kajian** yang akan dijalankan; dan,
 - 3.2.4 **Keterangan latarbelakang kepakaran bakal penyelia** termasuk **jumlah penyeliaan** yang terdahulu dan terkini, **rekod penyeliaan** dan **pencapaian** yang telah dijalankan.

M



- 4.6.1 Dikenakan tindakan tatatertib;
 - 4.6.2 Diberhentikan oleh institusi pengajian;
 - 4.6.3 Menarik diri semasa mengikuti pengajian;
 - 4.6.4 Menamatkan pengajian tanpa kebenaran; dan,
 - 4.6.5 Lain-lain kes serupa yang akan diputuskan oleh BMLDP.
- 4.7 Kursus **separuh masa** (dihadiri **di luar waktu bekerja** seperti selepas waktu bekerja, hari Juma'at, Ahad dan kelepasan awam) **atas perbelanjaan sendiri** dengan **tidak menjejaskan tugas-tanggungjawab harian serta waktu bekerja** hendaklah **mendapatkan kebenaran dari Ketua Jabatan** masing-masing dan seterusnya **memaklumkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**.

5. TATACARA MENGHADAPKAN SOKONGAN

- 5.1 **Sokongan** Setiausaha Tetap di Kementerian /Jabatan atau Naib Canselor /Rektor /Ra'ies di IPTA masing-masing hendaklah **dihadapkan melalui JPSTM di Kementerian /IPTA** masing-masing.
- 5.2 **Sokongan** hendaklah **disertakan bersama** dengan:
- 5.2.1 **Borang Permohonan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP-1);**
 - 5.2.2 **Senarai Semak (Lampiran A);**
 - 5.2.3 **Pengesahan Pengemaskinian Rekod Perkhidmatan GEMS (RPG) (Lampiran A - RPG);**
 - 5.2.4 **Maklumat Perancangan Latihan bagi Kementerian /Institusi Pengajian (Lampiran B);**
 - 5.2.5 **Keterangan Anggaran Perbelanjaan Kursus (Lampiran C-II);**
 - 5.2.6 **Salinan sijil dan transkrip kelulusan;**
 - 5.2.7 **Surat tawaran (offer letter) tempat pengajian /latihan /penempatan dan isi kandungan kursus;**
 - 5.2.8 **Cadangan bidang kajian (research proposal) - bagi yang mengikuti Ijazah Sarjana (Master) atau Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D);**
 - 5.2.9 **Bagi yang mengikuti Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D):**
 - i. **'Executive Summary'** bagi cadangan kajian yang akan dijalankan;
 - ii. **Pandangan dan ulasan** secara menyeluruh dari **bakal penyelia** mengenai cadangan kajian yang akan dijalankan; dan,
 - iii. **Keterangan latarbelakang** kepakaran **bakal penyelia** termasuk **jumlah pelajar Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D)** yang telah diselia.

PERHATIAN:

- i. **Borang Permohonan LDP-1 dan dokumen-dokumen berkenaan hendaklah diisikan dengan lengkap dan sempurna dan boleh diperolehi melalui laman sesawang JPA www.jpa.gov.bn;**
- ii. **Bagi sokongan yang belum memperolehi surat tawaran (offer letter) tempat pengajian /latihan /penempatan, JPSTM hendaklah menghadapkan setelah memperolehinya dengan**



tindakan tatatertib yang berkenaan.

- 4.2 Pegawai /kakitangan yang **gagal menamatkan program latihan /kursus /pengajian mengikut tempoh asal yang dibenarkan BMLDP, jika memerlukan tempoh tambahan** bagi meneruskan program tersebut hendaklah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:
- 4.2.1 Menghadapkan **permohonan perlanjutan ke JPA melalui JPSTM** di Kementerian /IPTA masing-masing **sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tempoh kebenaran asal berakhir;**
 - 4.2.2 **Jika dibenarkan oleh BMLDP, akan diturunkan skim kepada Skim Cuti Tidak Bergaji** dan pegawai /kakitangan **hanya akan menerima elaun dan kemudahan dibawah Skim Cuti Tidak Bergaji** sepertimana yang dinyatakan dalam **Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 27/1988;**
 - 4.2.3 **Sekiranya belum menerima kebenaran dari BMLDP setelah tamat kebenaran Skim LDP,** pegawai /kakitangan adalah **dikehendaki melapor diri** untuk bertugas.
- 4.3 Bagi kepentingan kesihatan, kebajikan dan kesejahteraan pegawai /kakitangan yang sedang mengikuti LDP, pegawai /kakitangan yang telah disahkan oleh doktor/pakar perubatan mengalami penyakit-penyakit kronik, tekanan emosi (*depression*), gangguan mental atau yang serupa dengannya serta tidak berkeupayaan untuk menamatkan kursus dalam masa yang ditetapkan akan ditamatkan dari Skim LDP.
- 4.4 **Penghantaran tesis /disertasi** hendaklah **diselesaikan dalam tempoh kebenaran BMLDP.** Pegawai /kakitangan yang **gagal** untuk **menghadapkan tesis /disertasi dalam tempoh kebenaran** adalah **dikira gagal** dalam pengajian dan **bonus tahun tamat pengajian akan dikutip balik** (jika telah dibayar) seperti dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 24/1988 dan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 7/1992.
- 4.5 Pegawai /kakitangan yang telah tamat mengikuti Skim LDP **dikehendaki menghadapi perkara-perkara berikut dengan segera ke JPA:**
- 4.5.1. **Borang J** (Laporan Selepas Menjalani Kursus) **selewat-lewatnya dua (2) minggu** dari tarikh melapor diri;
 - 4.5.2 **Salinan Keputusan Peperiksaan, Transkrip Kelulusan dan Salinan Sijil Kelulusan** sebaik sahaja diperolehi;
 - 4.5.3. **Bagi kursus Ijazah Sarjana (Master) dan Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D) - Dua (2) salinan tesis /disertasi** dalam bentuk berjilid tebal (*hard cover*) **selewat-lewatnya dua (2) minggu** dari tarikh melapor diri.

PERHATIAN:

Bonus tahunan setelah tamat pengajian tidak akan dibayar sehingga pegawai /kakitangan menghadapi perkara-perkara di atas.

- 4.6 Pegawai /kakitangan yang dalam kes-kes berikut adalah dengan sendirinya **ditamatkan daripada Skim LDP** dan dikehendaki **membayar segala perbelanjaan sepanjang kursus** yang diikuti dan **bonus pada tahun berkenaan tidak akan dibayar atau dikutip balik** (jika telah dibayar):

M



7. SOKONGAN YANG TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN

- 7.1 Sokongan yang **tidak dihadapkan melalui JPSTM** di Kementerian /IPTA masing-masing.
- 7.2 Sokongan berserta dengan **Borang Permohonan LDP-1** dan **dokumen-dokumen berkaitan** yang diterima selepas tarikh yang ditetapkan seperti di Para 6.1.
- 7.3 **Borang Permohonan LDP-1** yang tidak lengkap diisikan.
- 7.4 Sokongan yang **tidak menghadapkan** bersama **Borang Permohonan LDP-1**, **Pengesahan Pengemaskinian Rekod Perkhidmatan GEMS (RPG)** (Lampiran A - RPG), **Maklumat Perancangan Latihan** bagi Kementerian /Institusi Pengajian (Lampiran B), **Keterangan Perbelanjaan Kursus** (Lampiran C-II) dan **dokumen-dokumen berkaitan** seperti di para 5.2.
- 7.5 **Salinan sijil /dokumen yang tidak disahkan** oleh Ketua Jabatan atau mempunyai maklumat yang tidak benar /palsu.
- 7.6 **RPG yang tidak dikemaskini** di dalam **GEMS**.
- 7.7 **Tidak memenuhi** semua **syarat-syarat** yang dinyatakan di dalam Surat Pemberitahuan ini.
- 7.8 Sokongan bagi **permohonan kebenaran LDP secara kebelakangan** yang mana **pegawai /kakitangan** telahpun **memulakan kursus tanpa** mendapatkan **kebenaran dari BMLDP**.

Surat Pemberitahuan ini berkuatkuasa mulai **01 Januari 2019**.

والله ولي التوفيق

"Transformasi Ke Arah Perkhidmatan Awam Yang Progresif"

[DR NORFARIZAL BIN OTHMAN]

Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Tarikh : **02** Jamadilawal 1440
03 Januari 2019



seberapa segera;

- iii. Bagi yang mengikuti kursus di peringkat **Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D)** adalah **dimestikan** untuk menyertakan **salinan surat tawaran (offer letter)** tempat pengajian dan **keterangan latarbelakang kepakaran bakal penyelia** termasuk **jumlah pelajar Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D)** yang telah diselia.
- 5.3 **JPSTM** di Kementerian /IPTA hendaklah **memastikan sepenuhnya** semua permohonan yang dihadapakan **memenuhi semua syarat, dasar dan peraturan** yang berjalan pada masa ini termasuk **perancangan Kementerian /Jabatan** masing-masing.
- 5.4 **JPSTM** hendaklah **memastikan** sokongan, Borang Permohonan LDP-1, RPG yang dikemaskinikan serta semua salinan sijil, transkrip dan dokumen-dokumen yang dihadapakan adalah **lengkap, teratur dan diakui sah**.
- 5.5 **Setiausaha Tetap di Kementerian /Jabatan** atau **Naib Canselor /Rektor /Ra'es di IPTA** masing-masing hendaklah **menghadapakan sokongan berserta pengesahan RPG telah dikemaskinikan, Borang Permohonan LDP-1 dan dokumen-dokumen berkaitan** pada tarikh yang ditetapkan.
- 5.6 **Sokongan berserta dengan Borang Permohonan LDP-1 dan dokumen-dokumen yang telah lengkap dan kemaskini** hendaklah dihadapakan ke alamat berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri
Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam.

(Untuk Perhatian:

Urusetia Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan
Unit Pengurusan Latihan Dalam Perkhidmatan
Bahagian Keanggotaan dan Pentadbiran Latihan)

6. TARIKH AKHIR MENERIMA SOKONGAN

- 6.1 **Surat Sokongan Kementerian /IPTA berserta dengan Borang Permohonan LDP-1 dan dokumen-dokumen yang berkaitan yang telah lengkap dan kemaskini** hendaklah dihadapakan dan disahkan penerimaannya oleh JPA **tidak lewat** daripada tarikh-tarikh berikut:

Bil	Tarikh Kursus Bermula	Tarikh Terakhir Menghadapakan ke JPA
i.	Julai 2019 /Ogos 2019	28 Februari 2019
ii.	Januari 2020 /Februari 2020	31 Ogos 2019
iii.	Bagi kursus atau penempatan yang bermula selain dari tarikh (i) dan (ii) di atas, sokongan hendaklah dihadapakan sekurang-kurangnya empat (4) bulan sebelum tarikh rasmi kursus bermula .	

- 6.2 **Sokongan yang dihadapakan selepas tarikh-tarikh yang disebutkan di atas akan dikembalikan dan tidak akan diproses.**